

OLEH ABD KADIR MOHD AYUB

# SABAH MASIH MILIK BN?

# TAHAPAN



**S**elepas keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 dan 13 (PRU-12 dan 13), banyak pihak melihat telah berlakunya kesedaran politik dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Bermula dengan gelombang perubahan pengundian yang berlaku pada PRU-12 (2008) yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) buat pertama kalinya kehilangan majoriti dua pertiga di parlimen dan kehilangan lima buah negeri, diikuti pula dengan “tsunami cina” yang berterusan pada PRU-13 menonjolkan lagi sisi baharu warna politik Malaysia.

Perbualan tentang situasi politik tanah air tidak pernah menemui pasang surutnya. Iklim politik tanah air dipenuhi dengan pelbagai isu yang mengundang perdebatan umum. Bermula dari kedai kopi, warung makan, restoran eksklusif, pejabat, dalam pengangkutan awam sehinggalah ke tempat yang lebih rasmi, iaitu mengadakan wacana di mana-mana institusi terkemuka untuk mengkaji situasi politik di negara ini, maka, tidak hairanlah semakin banyak orang berbicara tentang politik.

Tidak kira apa-apa jua golongan, muda atau dewasa kelihatan begitu berminat akan kisah politik tanah air sehingga mengalahkan gosip hiburan tanah air yang tidak kurang hebatnya. Semuanya disebabkan situasi politik di negara ini semakin “panas” dan “tegang” apabila menjelang pilihan raya umum. Semakin banyak orang bercakap, maka semakin banyak persepsi dan spekulasi yang bermain dalam fikiran masing-masing.

Bagi Barisan Nasional (BN), parti pemerintah itu perlu mengerah segala kudrat yang ada demi mengembalikan majoriti dua pertiga yang hilang dalam dua siri pilihan raya yang lalu. Pada pandangan Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, perdana menteri yang juga Presiden UMNO merangkap Pengerusi BN, jentera BN perlu lebih bekerja keras pada PRU-14 kali ini dalam usaha mempertahankan kerajaan sedia ada, lebih-lebih lagi untuk mengembalikan majoriti dua pertiga pada peringkat parlimen.

Bagi pihak pembangkang yang kini dikenali sebagai Pakatan Harapan (PH) yang dianggotai oleh DAP, PKR, BERSATU dan AMANAH pula, PRU kali ini merupakan medan sebenar untuk menguji tahap kekuatan mereka, bukan sahaja di Semenanjung, malah sehingga ke Borneo, iaitu Sabah dan Sarawak. Lebih-lebih lagi apabila PAS kini tidak lagi berada dalam satu gabungan yang sama. PAS memilih untuk meneruskan perjuangan mereka melalui Gagasan Sejahtera yang dianggap sebagai blok ketiga politik di negara ini setelah "berpatah arang, berkerat rotan" dengan DAP usai perselisihan politik yang berlaku antara mereka.

Warna politik tanah air juga turut terkesan dengan kehadiran semula mantan perdana menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad apabila kemunculan mengejutnya sejak 2016 menerusi BERSATU dan pada PRU kali ini dikatakan semata-mata untuk memastikan dominasi BN berakhir. Ironinya, beliau kini mengetuai sebuah gabungan parti pembangkang yang sebelum ini tidak pernah wujud dalam kamus hidupnya. Masakan tidak, tidak terjangkau dalam mana-mana fikiran rakyat di negara ini bahawa setelah lebih sedekad bersara, beliau akan membuat kemunculan semula, namun pada kali sebagai seorang yang berhaluan kiri! Apakah sebenarnya yang dimahukan oleh Tun?

Bagi BN, selain mengekalkan kerusi sedia ada dan memastikan jumlah kerusi baharu bertambah di Semenanjung, mereka perlu mengekalkan penguasaan di Sabah dan Sarawak yang dianggap sebagai simpanan tetap selama ini demi kelangsungan pemerintahan mereka sebagai Kerajaan Persekutuan. Oleh hal yang demikian, PRU-14 pada kali ini menyaksikan Sabah terus menjadi perhatian penganalisis politik tanah air. Hal ini dikatakan demikian kerana situasi politik di Sabah sememangnya unik dan memungkinkan segala-galanya dari segenap aspek.



Sejarah telah membuktikan bahawa sebelum kedatangan UMNO, politik Sabah dikuasai oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) yang juga parti pembangkang sebelum mereka menyertai BN. Ahli politik di Sabah sentiasa mengejutkan arena politik negara dengan tindakan di luar jangkaan. Siapa sangka pada masa ini Datuk Seri Shafie Mohd Apdal, mantan Naib Presiden UMNO merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Kemajuan Wilayah sedang mengetuai sebuah parti politik baharu di Sabah, iaitu WARISAN?

Disebabkan beberapa perkara yang menarik itulah, maka Sabah terus menjadi perhatian banyak pihak. Bukan hanya bagi BN yang berterusan melunaskan janji-janji yang dicanangkan sebelum ini, malah perdana menteri juga sering berkunjung ke Sabah dalam beberapa siri lawatan rasminya demi memastikan momentum sokongan penduduk Sabah terhadap BN sentiasa kekal.

Pada masa yang sama, PH turut menaruh harapan tinggi terhadap Sabah. Untuk rekod, pada PRU-12,

pembangkang menerusi DAP hanya berjaya menguasai satu kerusi parlimen, iaitu Kota Kinabalu. Namun, pada PRU ke-13, DAP berjaya menambah satu lagi kerusi parlimen, iaitu Sandakan selain mengekalkan Parlimen Kota Kinabalu, dan pakatan pembangkang juga menyapu bersih semua kerusi DUN di bawah parlimen itu. PKR pula berjaya menawan satu kerusi parlimen, iaitu Penampang.

Gabungan pembangkang melalui Pakatan Rakyat (PR) pada ketika itu berjaya menambah jumlah kerusi sebanyak 11 kerusi dan satu kerusi dimiliki oleh STAR yang tidak menyertai mana-mana gabungan. Walau bagaimanapun, parti pembangkang masih tidak berjaya mengekang pengaruh BN yang sudah bertapak kukuh di Sabah. Ada pihak yang berpendapat bahawa BN dijangka tidak mempunyai masalah besar untuk mengekalkan kecemerlangan mereka di Sabah pada PRU-14. Adakah dakwaan tersebut benar?

Kini, PH perlu lebih berani jika mereka benar-benar mahu memastikan dominasi BN di Sabah berakhir. Hal yang sama turut disuarakan Pengerusi BERSATU, Tun Dr. Mahathir, bahawa jika gabungan itu ingin berjaya, maka PH harus mengikut formula BN—pastinya itulah formula yang beliau gunakan dalam empat siri PRU semasa menjadi nakhoda BN pada suatu ketika dahulu.

PH perlu membuktikan kepada rakyat bahawa mereka memiliki kesepakatan dalam soal pembahagian kerusi. Berbalik pada PRU ke-12 lalu, bagi kerusi parlimen dan DUN di Sabah, pakatan pembangkang masih lagi meletakkan calon daripada gabungan yang sama di beberapa buah tempat yang akhirnya menyaksikan pertembungan sesama sendiri. Hal tersebut terbukti apabila beberapa DUN di bawah Parlimen Kota Kinabalu pada PRU-12 lalu memberikan kelebihan kepada BN

apabila PKR dan DAP berentap sesama sendiri dan akhirnya memberikan "keuntungan" kepada BN.

Kelihatannya seperti tiada permuafakatan antara mereka apabila turut meletakkan calon daripada parti masing-masing semasa berentap. Jika hal tersebut masih lagi berlaku, adakah rakyat yakin untuk memilih mereka? Sewajarnya jika mereka benar-benar ingin berdepan dengan BN untuk membuktikan kejaguan mereka di gelanggang perlawanan, mereka perlu meletakkan hanya satu calon sahaja untuk berdepan dengan BN.

Bagaimanapun, pada PRU-13 terdapat sedikit permuafakatan dalam PR ketika itu, apabila hanya satu calon diletakkan sama ada daripada DAP atau PKR. Sedikit sebanyak situasi tersebut dilihat membuahkan hasil apabila PR menyapu bersih kerusi DUN di bawah Parlimen Kota Kinabalu, merampas Penampang dengan menewaskan antara tokoh terbaik BN Sabah, Tan Sri Bernard Dompok dengan menawan semua kerusi DUN di bawahnya, selain merampas Sandakan. Jika formula itu terus digunakan tidak mustahil beberapa kawasan lagi mungkin berjaya dirampas. Namun begitu, adakah permuafakatan dalam PH pada ketika ini jauh baik tanpa kehadiran PAS?

### Sabah Kekal Simpanan Tetap?

Adakah Sabah kekal menjadi simpanan tetap BN? Apabila diamati, istilah ini kelihatannya kurang tepat kerana jika Sabah menjadi simpanan tetap BN, maka seolah-olah seluruh jentera BN tidak perlu melakukan apa-apa, apatah lagi berusaha dan bekerja keras untuk mendapatkan sokongan padu rakyat Sabah.

Kerusi bandar menunjukkan pakatan pembangkang semakin diterima di Sabah. Hal ini menunjukkan sokongan pengundi Cina terhadap pembangkang dilihat





Prof. Madya Dr. Zaini Othman, "Faktor calon memainkan peranan yang sangat penting dalam konteks pengundi di Sabah."

semakin ketara di kawasan bandar. Jurang antara pengundi bandar dengan luar bandar kini kelihatannya semakin menipis.

Jika BN tersilap percaturan, tidak mustahil bagi PH menambah jumlah kerusi atau sekurang-kurangnya mampu mengekalkan kerusi sedia ada. Bagi BN, untuk memastikan perkara ini tidak berlaku, pemilihan calon perlu diteliti dengan sebaik-baiknya. Sebahagian besar rakyat Sabah dikatakan sangat mementingkan personaliti calon yang bertanding untuk mewakili mereka pada peringkat parlimen atau DUN. Menyedari akan hakikat tersebut, kepimpinan BN perlu mencari formula terbaik dengan meletakkan "calon boleh menang" yang mampu memberikan kemenangan kepada BN.

Menyedari betapa pentingnya PRU-14 yang boleh dikatakan sebagai "ibu segala pilihan raya", *Dewan Masyarakat* bertindak turun ke lapangan bagi mendapatkan gambaran untuk melihat rentak pengundi di Sabah dalam hal menentukan kelangsungan pemerintahan di negeri bawah pada itu dengan menemui pual penganalisis politik, tokoh politik dan media, serta pandangan penduduk di Sabah bagi menjawab persoalan ini.

Bagi mendapatkan gambaran tentang pola pengundian pengundi di Sabah, penulis berkesempatan menemui bual Prof. Madya Dr. Zaini Othman, pensyarah kanan Fakulti Sains Kemanusiaan, Seni dan Warisan yang juga penganalisis politik Sabah untuk mendapatkan pandangan beliau tentang peluang BN dan PH dalam usaha mencapai kemenangan menjelang PRU-14 kelak. Banyak isu yang berlegar dalam fikiran sekarang memerlukan perhatian bukan sahaja daripada pucuk pimpinan BN, malah PH juga tidak terkecuali jika mereka benar-benar ingin berbakti kepada rakyat.

"Jika di Sabah isu utama yang begitu fundamental ialah isu tadbir urus dan hal ini perlu dijelmakan dalam konteks Sabah," jelas Dr. Zaini ketika menjawab persoalan pokok yang timbul. Pada pengamatan beliau, jika kita melihat beberapa pemimpin Sabah yang ditahan berikutan penemuan wang berjumlah jutaan ringgit, hal tersebut sebenarnya melibatkan isu tadbir urus. Isu ini apabila dijelmakan pada peringkat tertentu seperti di kawasan Sepitang, Kota Marudu, Keningau, Pensiangan

dan beberapa kawasan lain, maka hal ini terkait dengan rekod perkhidmatan calon atau wakil yang dipilih oleh rakyat pada pilihan raya lalu. Jadi, berdasarkan penelitian tersebut, isu tadbir urus akan menjadi satu isu yang mendasari PRU-14 di negeri Sabah pada kali ini.

Namun begitu, adakah isu tadbir urus lebih terkesan kepada masyarakat di bandar? Bagaimana pula dengan penerimaan masyarakat di luar bandar Sabah? "Perbezaan tidaklah terlalu ketara memandangkan jurang antara mereka semakin menipis kerana faktor media sosial yang berkembang pesat pada hari ini," tutur Dr. Zaini. Bagi beliau, di kawasan bandar misalnya penekanan lebih kepada soal perkhidmatan seseorang wakil rakyat, manakala di luar bandar pula lebih kepada janji daripada pihak yang menang tidak kira sama ada daripada parti pemerintah atau pembangkang. "Sebagai contoh, dalam konteks di kawasan bandar yang melibatkan masyarakat kelas pertengahan, mereka akan melihat isu tadbir urus yang melibatkan aspek ketelusan kerajaan dalam hal menjalankan tanggungjawab masing-masing berbanding dengan kawasan luar bandar yang lebih kepada aspek mengotakan janji yang dibuat sebelum itu," ulas Dr. Zaini. Maka, janji pembangunan itu merupakan isu yang begitu relevan apabila dikaitkan dengan penduduk di luar bandar. Dalam hal tertentu, politik bersifat pembangunan sangat relevan untuk memikat hati pengundi di luar bandar.

Pada pandangan Tuan Emin Madi, tokoh wartawan veteran, penulis buku yang juga penganalisis politik tempatan, beliau pula berpendapat perkiraan politik di Sabah cukup mudah. Politik Sabah banyak dikaitkan dengan kejayaan UMNO melalui komponen BN yang sentiasa mengotakan janji-janji mereka. Menurut beliau, Sabah tidak pernah dianaktirikan dalam konteks pembangunan. "Jumlah ahli UMNO di Sabah yang ramai sudah menyerlahkan keputusan di peti undi," jelas Emin Madi.

Menurut beliau juga, sejak UMNO mula bertapak kukuh di Sabah, masyarakat di Sabah mempercayai kebolehan parti tersebut yang berada di bawah komponen BN. Jadi, apabila menjelang PRU, rakyat di Sabah turut menjadikan faktor parti sebagai pilihan mereka semasa menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi.

### Kerelevanan Faktor Calon

Bagi kebanyakan orang, faktor calon sangat memainkan peranan penting. Mengapakah faktor calon begitu penting? Hal ini bersangkut paut dengan prestasi calon yang diangkat di samping kemesraan calon itu sendiri dengan rakyat di kawasan yang diwakilinya. Pernah berlaku di kawasan luar bandar apabila hendak isi borang terdapat dalam kalangan penduduk di kawasan tersebut bertindak bertemu wakil rakyat termasuk untuk mengisi borang biasiswa kerana rakyat di luar bandar terutamanya di kawasan pedalaman terlalu bergantung pada wakil mereka. "Calon memainkan peranan yang sangat penting. Jika calon yang diletakkan itu tidak boleh memenuhi aspek yang diperlukan oleh rakyat di kawasan berkenaan, maka hal tersebut akan memberikan keputusan yang tidak baik, tidak kiralah sama ada daripada mana-mana parti sekalipun," bicara Dr. Zaini.

Namun, berlainan sedikit dengan pandangan yang disuarakan oleh Tuan Emin Madi yang juga wartawan sambilan di BERNAMA Sabah. Beliau berpendapat, lambang parti masih kekal relevan sebagai pilihan pengundi Sabah kerana faktor calon kurang menjadi isu di Sabah. "Jika adapun isu yang dimainkan terhadap seseorang calon, hal tersebut hanyalah permainan parti pembangkang untuk mencalarakan rekod calon tersebut," jelas Emin Madi.

Adakah BN mampu merampas kembali kerusi di bandar yang dimenangi oleh parti pembangkang pada PRU-13





lepas? Pada pendapat Emin Madi, hal tersebut belum dapat disahkan lagi kerana situasi sekarang sudah berbeza. Sama ada mereka boleh kekalkan atau tidak bergantung pada faktor semasa. "Sama ada boleh rampas atau berlaku pengurangan majoriti oleh pengundi kaum Cina," jelas beliau. Bagi kawasan yang majoritinya terdiri daripada pengundi Cina, hal tersebut perlu melihat kepada kawasan juga. Hal ini berlaku kerana terdapat kawasan majoriti pengundi Cina, yang mampu memberikan kelebihan kepada BN.

Sabah kelihatannya tidak mempunyai sebarang masalah untuk dipertahankan oleh BN. "Saya bersetuju dengan pandangan tersebut. Walau bagaimanapun, BN masih perlu berhati-hati kerana jika BN tidak meletakkan calon yang tepat, kemungkinan kawasan yang "putih" bagi mereka sebelum ini akan bertukar menjadi kawasan "hitam", jelas Dr. Zaini. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pengundi di Sabah kini semakin celik politik apabila menjadikan keseimbangan antara faktor logo dan

calon. Ada yang kurang melihat faktor berdasarkan logo tetapi melihat calon yang diletakkan oleh pucuk pimpinan BN. Maka, faktor calon begitu relevan apabila dikaitkan dengan pengundi di Sabah.

"Perkembangan ICT juga menunjukkan faktor logo tidak lagi menjadi ancaman buat mana-mana parti. Keadaan ini terjadi kerana internet dan media sosial sudah menipiskan jurang bandar dengan luar bandar. Soal peribadi calon sangat diambil kira," jelas Dr. Zaini. Menurut beliau, benar pada suatu ketika dahulu, bagi kawasan majoriti Melayu, dengan hanya melihat lambang BN mereka akan pangkah tanpa berfikir panjang, malah tanpa melihat personaliti calon dari parti lain pun. Namun begitu, akibat jurang teknologi yang semakin menipis, walaupun penduduk tersebut merupakan penduduk di luar bandar, mereka sangat mengambil berat terhadap faktor calon.

### Kedudukan Kerusi Bandar

Jika disoroti, pada PRU-12 dan 13, kerusi di kawasan bandar dimenangi oleh parti pembangkang. Mengapakah mereka hanya menang di kawasan bandar? Mengapakah penduduk di luar bandar sukar menerima kehadiran mereka? Adakah isu nasional yang berlaku di Semenanjung memberikan kesan kepada Sabah?

Melihat akan faktor tersebut, adakah BN perlu bekerja lebih keras untuk memenangi semula kawasan tersebut setelah dua penggal bertukar tangan kepada pihak pembangkang? "Melalui pemerhatian yang dilakukan, agak sukar bagi BN merampas kembali kerusi berkenaan kerana kerusi bandar yang dimenangi oleh pembangkang tersebut seolah-olah sudah menjadi trend sejak 2008 dan 2013 lagi. Kerusi berkenaan ialah Kota Kinabalu,

Sandakan dan Penampang," ulas Dr. Zaini. Dalam hal ini BN perlu bekerja dengan lebih keras untuk menguasai semula kerusi di kawasan bandar.

"Berbalik pada isu nasional, isu tersebut hanya terkesan terhadap golongan kelas pertengahan yang tinggal di bandar. Memang jurang komunikasi semakin menipis kerana media sosial berleluasa tetapi jika di kawasan pedalaman, isunya masih lagi terkait dengan perkara asas dan di sini janji politik pembangunan masih lagi relevan," tambah beliau.

### Cita-cita Pakatan Harapan

Bagaimana pula dengan peluang PH yang diketuai oleh Tun Dr. Mahathir? Adakah rakyat Sabah terkesan dengan isu yang dibawa oleh PH apatah lagi melalui manifesto yang ditonjolkan oleh PH pada PRU-14?

"Ramalan ini bersifat di tengah-tengah. Berkemungkinan mereka mempunyai peluang cerah apabila membabitkan kawasan bandar dengan penduduk kelas pertengahan yang akan menyokong mereka. PH ada peluang, cuma peluang tersebut agak terhad kerana di Sabah terlalu banyak parti pembangkang yang tidak bekerjasama," jelas Dr. Zaini. Beliau memberikan beberapa gambaran contoh seperti WARISAN dengan cita-citanya sendiri, selain blok atau parti politik yang banyak wujud di Sabah. Maka pertarungan banyak penjurur hanya akan memberikan kelebihan kepada BN. Walaupun kekuatan Tun Dr. Mahathir dan parti pembangkang kelihatan lebih terkedepan dengan pelbagai isu yang cuba dibawa, namun mereka tidak mampu mara dengan lebih ke depan akibat blok pembangkang tempatan yang tidak bersatu dengan PH yang berasal dari Semenanjung.

Jika mereka bergerak di bawah satu logo ternasuk bekerjasama dengan pembangkang tempatan, maka pertarungan seugit pasti berlaku kerana pengundi hanya ada dua kemungkinan, iaitu memilih saian satu yang disukai. Namun mustahil na ini untuk dilaksanakan kecuali berlaku keadaan yang benar-benar memerlukan


## FAKTA PARTI POLITIK DI SABAH

- PARTI WARISAN SABAH (WARISAN)
- PARTI CINTA SABAH (PCS)
- PARTI DAMAI SABAH (SPP)
- BARISAN RAKYAT SABAH (SPF)
- BARISAN BORNEO BERSATU (UBF)
- PARTI HARAPAN RAKYAT SABAH (PHRS)
- PERTUBUHAN KEBANGSAAN SABAH BERSATU (USNO BARU)
- PARTI KEBANGSAAN SABAH (PKS)
- PARTI PERPADUAN RAKYAT SABAH (PPRS)
- PARTI SEJAHTERA ANGGKATAN PERPADUAN SABAH (SAPU)
- PERTUBUHAN PERPADUAN RAKYAT KEBANGSAAN SABAH (PERPADUAN)
- PARTI MAJU SABAH (SAPP)
- PARTI KERJASAMA RAKYAT SABAH (PAKAR)
- PARTI SOLIDARITI TANAH AIRKU (STAR)
- PARTI GAGASAN BERSAMA RAKYAT SABAH (BERSAMA)
- PARTI KEBENARAN SABAH (KEBENARAN)
- PARTI BERSATU BUGIS SABAH (PBBS)
- PARTI EKONOMI RAKYAT SABAH (PERS)

mereka bekerjasama selepas keputusan pilihan raya diumumkan. Menjelang pembubaran parlimen, parti pembangkang di Sabah kelihatan belum ada penyatuan dalam kalangan mereka. Hal ini sudah pasti memberikan keyakinan tinggi dan kemenangan sekali lagi kepada BN.

Jadi kekurangan pembangkang di situ. "Kelemahan pembangkang dari segi strategi kerana mereka nampaknya tidak bersatu terutama dengan parti politik pembangkang tempatan. WARISAN dengan cita-citanya, PH dengan





**PARTI WARISAN  
SABAH**

Populariti Shafie Apdal yang melonjak semasa berada dalam UMNO suatu ketika dahulu tidak memberikan apa-apa makna kerana kini beliau sudah mengetuai sebuah parti politik baharu.

program mereka sendiri, Parti Cinta Sabah yang diketuai oleh Wilfred Bumburing juga dengan cita-citanya sendiri," tambah Dr. Zaini. Jadi, hal ini tidak menunjukkan satu gabungan yang kukuh apatah lagi untuk tujuan memenangi pilihan raya. Secara teknikalnya, keputusan pada hari pengundian kelak pasti memberikan kelebihan kepada BN.

Bagi Emin Madi pula, beliau berpendapat rakyat di Sabah tidak berapa ambil peduli dengan apa-apa yang berlaku di Semenanjung. "Faktor Dr. Mahathir tidak boleh diambil kira untuk menentukan faktor Sabah bakal jatuh ke tangan PH," jelas beliau. Menurutnya lagi, begitu juga dengan faktor Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sudah lama tidak diingati oleh rakyat Sabah. Jika adapun, isu tersebut lebih kepada isu yang melibatkan sentimen kenegerian.

### Peluang WARISAN di Sabah

Setiap calon mahupun parti yang bertanding dalam PRU mempunyai peluang untuk menang. Walau bagaimanapun, peluang tersebut juga bergantung pada strategi yang dijalankan oleh parti tersebut.

"Bagi WARISAN, kelihatan mereka seolah-olah akan menguasai Sabah pada PRU kali ini, namun segala-galanya berbalik pada strategi yang dilakukan oleh mereka," jelas Dr. Zaini. Calon tempatan akan memainkan peranan yang penting berbanding dengan calon luar. Datuk Seri Shafie Apdal sendiri kelihatan sering meluang-laungkan isu tadbir urus yang baik kepada negeri Sabah. Isu tersebut dijadikan sebagai wawasan utama WARISAN untuk melebarkan penguasaan mereka di Sabah.

Bagi Dr. Zaini, Shafie kelihatan berpengaruh di kawasan seperti Lahad Datu, Sandakan dan di kawasan yang majoriti Bajau-Sulu sebagai pengundinya. Dalam kalangan pemimpin UMNO sendiri pun Shafie jarang "diserang" seperti yang berlaku terhadap pemimpin lain yang telah meninggalkan parti. Oleh hal yang demikian, faktor Shafie Apdal juga tidak boleh diketepikan meskipun jentera BN sememangnya kuat dan mantap. Jika ada pemimpin dari Sabah yang memberikan mesej yang salah kepada pengundi, tidak mustahil pengundi boleh berubah hati.

Adakah Shafie Apdal hanya menumpukan partinya di Sabah sahaja setakat ini? "Seperti yang dilihat oleh semua pihak, parti WARISAN hanyalah untuk Sabah dan setakat ini tidak dibuka di mana-mana cawangan termasuklah jiran terdekat Sarawak," demikian menurut Dr. Zaini. Jelas beliau, Sememangnya Shafie hanya memfokuskan untuk membentuk kerajaan di Sabah sahaja. Mungkin dalam beberapa keadaan tertentu WARISAN akan bergabung dengan PH dari Semenanjung. Bagaimanapun tumpuan sekarang diberikan kepada Sabah. Logonya juga sangat kuat dengan masyarakat di Sabah. Jika melihat pada logonya sahaja memang tumpuannya hanya di Sabah setakat ini.

### Harapan BN, Peluang PAS serta Pengaruh Anwar Ibrahim di Sabah

Bagi BN, dalam apa-apa jua keadaan sekalipun, BN tidak boleh menang dengan majoriti mudah. BN perlu mengembalikan majoriti dua pertiga di parlimen,

## SEKILAS AKTA PRU-14 2018

- 222 kerusi parlimen.
- 505 kerusi DUN tidak termasuk Sarawak yang mengadakan pilihan raya pada 2017.
- 112 kerusi diperlukan untuk membentuk kerajaan.
- 148 untuk mendapatkan majoriti dua pertiga.
- 14 968 304 jumlah pengundi berdaftar.
- 3601 pengundi berdaftar (luar negara).
- Pengundian awal akan menggantikan undi pos bagi polis dan tentera.
- Pakatan Harapan bersepakat menggunakan logo PKR pada PRU-14.



Tuan Emin Madi, "Politik Sabah banyak terkait dengan kejayaan BN mengotakan janji yang dibuat sebelum pilihan raya."

lebih-lebih lagi di Sabah. "BN perlu menang dengan bergaya pada PRU kali ini termasuk mengekalkan penguasaan mereka di Sabah dan Sarawak, jelas Dr. Zaini.

Adakah PAS mempunyai peluang untuk melebarkan sokongan di Sabah pada PRU kali ini? "Buat masa ini, masih tiada tempat untuk PAS bertapak kukuh di Sabah. Di Kelantan ada peluang, tapi tidak di Sabah. Juga tidak di Kedah dan Terengganu yang menyaksikan pengundi masih menyokong BN," tegas Dr. Zaini.

Adakah faktor Anwar Ibrahim masih relevan untuk dimainkan setiap kali menjelang PRU? Adakah faktor tersebut mampu mempengaruhi pengundi? Secara mekanikalnya ada pengaruh kerana jika tidak ada pengaruh, masakan parti pembangkang mampu menawan 12 kerusi DUN? Sehingga kini, PKR masih lagi beroperasi seperti biasa walaupun sudah dua kali Anwar dipenjarakan. Maksudnya masih ada sokongan di situ walaupun tidak terlalu tinggi.

Emin Madi turut memberikan pandangan yang sama. "Jika di Sabah laluan PAS agak sukar dan boleh dikatakan PAS tidak mempunyai sebarang harapan untuk bertapak kukuh di Sabah, jelas Emin Madi. "Tiada apa-apa isu yang PAS boleh bawa di Sabah melainkan isu agama semata-mata," tambahnya yang turut menyatakan bahawa tiada peluang untuk PAS meraih sebarang kerusi di Sabah.

Jelas beliau, Anwar Ibrahim juga tidak memberikan impak terhadap rakyat Sabah. Tidak betul jika dikatakan ada yang tidak menyokong. Namun, isu tersebut tidak begitu menghantui rakyat Sabah yang kini sudah selesa dengan pentadbiran BN. Isu Anwar Ibrahim tidak pernah menyebabkan BN menerima kekalahan teruk di Sabah. Sabah masih lagi selesa," tegas beliau.

Apakah harapan rakyat Sabah terhadap BN jika sekali lagi diberikan mandat untuk mengekalkan tampuk kekuasaan di Sabah? "Diharapkan kerajaan akan memasukkan aspek pemeliharaan alam sekitar dan khazanah alam di Sabah sebagai salah satu daripada manifesto kerajaan kelak," ujar Emin Madi. Beliau mengharapkn usaha untuk mengekalkan khazanah alam di Sabah dilakukan sebaik-baiknya dengan tidak membenarkan sebarang pencerobohan hutan berlaku dengan sewenang-wenangnya. Kerajaan disarankan supaya memperkenalkan dasar yang kukuh demi mengelakkan hutan di Sabah daripada musnah. "Khazanah hutan Sabah sangat bernilai dan diharapkan kerajaan meletakkannya sebagai salah satu hasrat murni dalam manifesto mereka," tegas Emin Madi. Menurut beliau, baru-baru ini terdapat 25 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh negara menghantar surat terbuka kepada semua parti politik supaya menjadikan isu alam sekitar sebagai salah satu aspek penting dalam manifesto mereka.

Adakah kubu kuat BN di Sabah bakal dibolosi oleh PH pada PRU-14 kelak? Selepas menawan Parlimen Kota Kinabalu, Penampang dan Sandakan selain 11 kerusi DUN, pada PRU-14, pakatan pembangkang itu mula mengimpikan untuk mendapatkan kerusi yang lebih banyak di Sabah. Mereka mula menubar pelbagai janji bagi memikat hati pengundi, yang dilihat oleh beberapa pihak sebagai mustahil untuk mereka melaksanakannya.

Benarkah dakwaan yang mengatakan PH tidak lebih daripada hanya mampu menawarkan janji berbentuk populis, namun gagal untuk melaksanakannya sekiranya diberikan peluang oleh rakyat untuk memerintah kelak? ☹️

# REKOD CEMERLANG BN SABAH

Pada PRU-13 lalu, rakyat Sabah telah membuat keputusan dan telah memberikan mandat kepada BN sekali lagi untuk menerajui kerajaan negeri. Benarkah BN diterajui mengikut kehendak rakyat di negeri ini, bukannya sekadar untuk meraih kemenangan dalam pilihan raya? Ada pihak berpendapat angin perubahan yang melanda Semenanjung akan turut “merentas lautan” menuju ke Sabah. PRU-14 dicanangkan sebagai “ibu segala pilihan raya”. Bagaimanakah potensi BN di Sabah pada PRU kali ini? Adakah keputusannya akan kekal sama atau berubah? Untuk merungkai persoalan ini, *Dewan Masyarakat* turut berkesempatan mendapatkan pandangan ADUN Membakut untuk melihat sejauh mana pertimbangan yang bakal dilakukan oleh pengundi di Sabah pada PRU-14. Ikuti wawancara khas Abd. Kadir Mohd Ayub, Editor *Dewan Masyarakat* bersama-sama YB Datuk Haji Mohd. Arifin Arif yang juga Pembantu Menteri di Pejabat Ketua Menteri.

Senario politik di Sabah berbeza daripada Semenanjung. Jadi, sebagai ADUN Membakut merangkap Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kimanis, bagaimanakah YB Datuk melihat peluang untuk BN khususnya di Sabah pada PRU kali ini? Seperti yang telah disebutkan, Sabah sebagai simpanan tetap itu masih milik BN dengan izin Allah SWT. Sabah merupakan kubu kuat BN. Sabah mendapat perhatian yang baik daripada Kerajaan Persekutuan. Kita rapat dan dekat dengan pimpinan atas kita, khususnya perdana menteri (PM). Kita meminta sesuatu tidak secara vokal, tetapi dengan berunding. Mengikut rekod yang ada, PM yang paling banyak melawat negeri Sabah ialah Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Beliaulah yang paling banyak melawat Sabah. Rekod beliau amat cemerlang di sini. Peluang juga banyak diberikan untuk anak-anak Sabah. Selain itu, rekod pemberian terbanyak peruntukan untuk Sabah juga berlaku ketika zaman pentadbiran beliau. Kerajaan pusat sangat prihatin dengan Sabah. Maka, itulah sebabnya Tun Datu Haji Mustapha dahulu berkata bahawa “kita berhijrah dari kapal yang kecil ke kapal yang besar”, iaitu daripada USNO kepada UMNO. Hal ini terbukti apabila kapal ini yang membolehkan kita belayar lebih jauh, lebih dalam lautannya dan lebih luas melalui UMNO. Rakyat Sabah juga pernah terkesan apabila tidak ada atau kurangnya persefahaman dengan kerajaan pusat. Keadaan kemajuan dan pembangunan terbantu kerana hubungan dengan kerajaan pusat tidak baik. Alhamdulillah sekarang hubungan kita dengan Kerajaan Persekutuan begitu baik dan PM menjalankan amanah yang sewajarnya.

Tidak adakah isu yang boleh dimainkan oleh pihak pembangkang Sabah menjelang PRU-14? Tidak ada. Mereka hanya mencari-cari isu sahaja dan membangkitkan isu yang tidak mampu menidakkan peluang BN.

Kalau kita lihat PRU-13, pihak pembangkang mencanangkan slogan “Ini Kalilah”. Kali ini ada slogan “Impian Sabah” melalui DAP. Adakah rakyat Sabah terkesan dengan slogan-slogan tersebut? Saya teringat kata-kata YB Anifah Aman. Apakah yang mahu diubah tentang Sabah ini? Macam mana mereka mahu mengubah Sabah? Ubah diri sendiri dahulu. Alhamdulillah di bawah BN, ada perubahan yang besar. Harapan untuk Sabah telah diberikan oleh PM kita. Faktor kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan parti komponen BN di Sabah juga terjaga elok di bawah ketua menteri selaku Pengerusi BN Sabah dan hal ini merupakan perkara yang penting. Kebersamaan ini sangat erat, dan inilah yang memberikan kekuatan kepada kita di Sabah. Di Sabah tidak ada isu agama. Kita hidup aman dan harmoni dalam kalangan pelbagai kaum dan agama. Di Sabah kita lihat dalam satu keluarga pun ada yang berbilang-bagai agama. Kala diadakan majlis perayaan pun secara bersama-sama. Kita jadikan agama ini sebagai kekuatan dan penyatuan untuk kita bersama-sama. Saya selalu menekankan apabila seseorang itu memilih Islam, dia tidak memilih untuk menolak keluarganya yang bukan Islam.



Kembali Tun Dr. Mahathir ke arena politik, adakah suaranya “sampai” ke Sabah? Kita lihat kekuatan keseluruhan parti, bukan individu. Ya, beliau merupakan seorang negarawan. Sejarah itu tidak akan dapat diubah, tetapi kepimpinan yang ada sekarang lebih menjurus dan banyak membantu Sabah. Dari sudut bantuan ke Sabah, PM Najib Tun Razak lebih banyak memberikan bantuan dan inilah yang dinilai oleh rakyat Sabah. Permintaan orang-orang Sabah dahulu macam mana? Untuk meminta dan bersuara pun sangat susah. Ini yang harus dilihat. Tetapi kita juga mahukan kebebasan bersuara yang harus ada landasannya. Orang Sabah yang bersuara tidak akan melakukan sesuatu di luar batas undang-undang.

Adakah faktor calon memainkan peranan yang sangat penting di Sabah? Ya, sangat penting. Calon, seperti yang ditekankan oleh PM dan ketua menteri, kita perlu meletakkan calon yang benar-benar disukai oleh rakyat, berkhidmat dengan baik dan inilah yang sering ditekankan oleh pucuk pimpinan. Perkara ini bukan baharu. Kita di Sabah, termasuk di Semenanjung juga, kita turun padang bukan hanya ketika pilihan raya. Kita turun sebelum, semasa dan selepas pilihan raya. Kita terus berkhidmat untuk rakyat. Isu seperti lima tahun sekali baru turun padang itu merupakan perkara yang dimainkan pembangkang yang tidak melihat kerja kita.

Adakah isu nasional yang berlaku di Semenanjung tidak memberikan kesan di Sabah? Isu itu kedengaran di sini, tetapi penjelasannya juga sampai di sini. Itu yang baiknya. Kita tidak akan membiarkan perkara itu dilambungkan hangat sehingga menyebabkan orang keliru. Jentera kita sentiasa bergerak padu dan inilah perlu diteruskan.

Di Sabah, pada PRU lalu, kerusi bandar terus dikuasai oleh pembangkang. Apakah strategi BN untuk merampas semula kerusi di kawasan bandar? Ada kerusi bandar yang kita lihat boleh kita ambil balik. Hal ini memerlukan kerjasama hubungan antara parti komponen itu sendiri. Kita boleh laksanakan dan calon itu juga seharusnya calon yang bekerja dari awal, calon yang baik dan boleh mendukung harapan rakyat di kawasan berkenaan.

Ada pihak tertentu yang mengadakan kempen undi rosak. Apakah pandangan YB Datuk terhadap perkara ini? Ini strategi orang kalah. Saya meminta agar generasi muda memilih sesuatu yang terbaik untuk masa hadapan mereka. Kerajaan sudah berikan pilihan yang terbaik, seperti TN 50 umpamanya. Kerajaan memberikan perhatian terhadap

mereka untuk pembangunan generasi masa hadapan, khususnya yang berkaitan dengan pendidikan. Kerajaan sangat prihatin terhadap masa depan mereka. Kempen berkenaan hanya sia-sia, dan ini gejala yang tidak baik dari sudut kematangan kerana mereka memilih jalan yang tidak sesuai dan matang serta berasaskan emosi kerana bertentangan dengan roh perlembagaan itu sendiri.

Adakah pengaruh BN tercalar akibat keluarnya Datuk Seri Shafie Apdal daripada UMNO sehingga teretusnya penubuhan WARISAN di Sabah? Sememangnya kita tidak boleh memandang enteng terhadap beliau. Rakyat Sabah tahu mengapa beliau keluar dan tidak bersama-sama dengan kita. Walau bagaimanapun, kita harus melihat bahawa perjuangan itu tidak harus melibatkan emosi semata-mata. Parti yang dibentuk dalam kerangka emosi dan kemarahan itu parti yang tidak akan bertahan lama. Ini kita dapat lihat menerusi parti yang wujud atas dasar kecewa dan untuk balas dendam. BN telah memberikan perhatian yang baik di Sabah. Dahulu beliau kuat pun sebab BN dan kekuatannya kerana dukungan daripada UMNO.

Adakah isu Datuk Seri Anwar Ibrahim memberikan kesan terhadap Sabah? Tidak. Pada PRU-13 lalu beliau kerap kali datang ke Sabah tetapi tidak ada kesan. Rakyat Sabah memilih pembangunan dan parti yang boleh membawa keamanan, kesejahteraan dan keharmonian melalui BN.

Apakah yang seharusnya ada dalam diri seorang wakil rakyat? Berkhidmat untuk rakyat dan mesti rajin turun padang. PM ada cakap “dengar denyut nadi rakyat, bukan suara lantang rakyat dengar”. Selain itu, seseorang wakil rakyat juga seharusnya mempunyai hubungan yang mesra dengan generasi muda.

Banyak pihak mengandaikan bahawa PRU-14 merupakan “ibu segala pilihan raya”. Pandangan YB Datuk terhadap perkara itu? Untuk kita tidak leka dan sentiasa kuat bekerja, maka baguslah istilah itu. Apabila kita melihat cabaran PRU-14 ini besar, maka kita harus bekerja kuat dan tidak berasa selesa. Ada hikmah di balik istilah tersebut. Kita harus bersungguh-sungguh dan berjuang habis-habisan bagi memastikan parti kita menang. Kita berharap agar Kerajaan BN terus menunjangi kepimpinan negara kita, khususnya negeri Sabah. Sabah akan menjadi pendorong kekuatan BN. Hubungan akan berterusan, mantap dan terus perkasa antara Sabah dengan kerajaan pusat. Kekuatan ummah itu juga kekuatan negara yang berpadu.